

DATE: 24/2/2010

NGO Melayu bimbang MEB

Model Ekonomi Baru didakwa pinggir ekonomi Bumiputera

Oleh Anwar Hussin
anwarbussin@bharian.com.my

KUALA LUMPUR: Gabungan Pertubuhan Bukan Kerajaan (NGO) Melayu melahirkan rasa bimbang terhadap Model Ekonomi Baru (MEB) yang akan dilancarkan Mac ini kerana didakwa meminggirkan golongan Bumiputera daripada arus pembangunan ekonomi negara.

Timbalan Presiden Dewan Perniagaan Melayu Malaysia (DPMM), Datuk Muhammad Muhiyuddin Abdullah, berkata kerajaan seharusnya mengekalkan semangat Dasar Ekonomi Baru (DEB) dengan memberi peluang kepada Melayu dan Bumipute-

ra bersaing secara adil dalam pembangunan ekonomi.

"Saya mewakili 50 Gabungan NGO Melayu mendesak kerajaan tidak dipengaruhi konsep pasaran bebas dalam pembentukan MEB dan perancangan Rancangan Malaysia ke-10 (RMK-10).

"Tindakan sedemikian di-khuatiri akan menggugat ekonomi Bumiputera pada masa kini dan akan datang," katanya di sini semalam.

Turut hadir, Pengurus Besar Jabatan Pemuaafakatan Gagasan Badan Ekonomi Melayu (Gabem), Nor Rashid Ismail; Presiden Persatuan Kontraktor Elektrikal, Elektronik dan Mekanikal Melayu Malaysia, Mohsen Hasbolah dan Presiden Persatuan

Remisier Bumiputera Malaysia (Pribumi), Huda Ikhwan.

Sehubungan itu katanya, satu forum khas akan diadakan di Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri, di sini, Khamis ini bagi mencari formula terbaik memastikan MEB dan RMK-10 tidak meminggirkan pembangunan ekonomi Bumiputera.

Katanya, resolusi daripada forum itu akan dihantar kepada Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Razak.

Muhammad Muhiyuddin berkata, gabungan NGO Melayu mahu kerajaan meneruskan campur tangan dalam ekonomi supaya penyer-taan ekuiti Bumiputera dapat dipertahan dan diper-

tingkatkan bagi memastikan kesaksamaan ekonomi.

Beliau berkata, Gabungan NGO mencadangkan kerajaan menubuhkan unit khas bagi merancang, melaksana dan memantau program khusus untuk pembangunan ekonomi Bumiputera.

Katanya, unit khas itu hendaklah diberi kuasa dan peruntukan mencukupi kepada badan yang berkesan.

"Kerajaan juga perlu memastikan kementerian dan agensi menjadikan program ekonomi Bumiputera sebagai Bidang Keberhasilan Utama Negara (NKRA) serta menterjemahkannya dalam bentuk strategi, program serta peruntukan kewangan yang mencukupi," katanya.